

CELIK WANG

Empat langkah atasi masalah lewat bayar bil kad kredit

Penasihat hutang dari AMP ingatkan pemiutang agar jangan abaikan surat peringatan bayar hutang



ENCIK SAIFUL NIZAM JEMAIN: Penolong Pengurus, Pusat Nasihat Hutang Angkatan Karyawan Islam (AMP). - Foto fail

1/2

7 Jun 2015

ATIYYAH MOHD SAID

KAD kredit boleh menjadi satu wadah pembayaran yang memudahkan pengguna, dengan syarat ia digunakan dengan bijaksana dan berdisiplin.

Namun, memandangkan ia adalah sejenis bentuk pinjaman ia bukanlah satu kemudahan kredit jangka panjang.

Makaitu, jika anda terlewat membayar bil kad kredit anda perhatian harus diberikan untuk menguruskan keadaan itu.

Di bawah ini terdapat empat langkah yang disarankan Money Sense jika anda berdepan dengan masalah lewat bayar bil kad kredit.

Hubungi kreditor anda dengan segera dan mohon untuk melakarkan satu pelan pembayaran semula yang boleh membantu mengurangkan pembayaran anda kepada tahap yang dimampui.

Menurut Encik Saiful Nizam Jemain, Penolong Pengurus, Pusat Nasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP), ramai pelanggan yang meminta bantuan untuk masalah kad kredit mereka, memiliki sikap yang sama – apabila mereka tidak dapat membayar bayaran bulanan, mereka tidak mengendahkan surat peringatan atau surat tuntutan daripada kreditor mereka.

Akhirnya mereka dikenakan pelbagai bayaran tambahan seperti faedah, bayaran lambat dan bayaran guaman, yang menambah kepada baki hutang.

"Dengan menghubungi kreditor mereka awal, mereka dapat mengatur agar akaun mereka digantung buat sementara waktu atau dibatalkan agar mereka tidak lagi dapat berbelanja daripada akaun itu dan focus kepada usaha mengurangkan baki hutang.

"Kreditor juga mungkin mengurangkan faedah yang dikenakan bagi akaun itu dan berhenti mengenakan bayaran lewat.

Penghutang boleh berunding dengan kreditor mengenai jumlah bayaran semula yang dimampui yang membolehkan mereka membayar balik hutang kad kredit dan pada masa sama, dapat memenuhi keperluan keluarga," terang Encik Saiful Nizam.

Bayar hutang yang berfaedah tinggi terlebih dahulu

Dari sudut kewangan, dengan menumpukan usaha membayar hutang berfaedah tinggi dahulu (pada masa sama, membayar sekurang-kurangnya jumlah minimum untuk hutang berfaedah rendah lain), penghutang boleh mengurangkan kos hutang-piutangnya, jelas Encik Saiful Nizam lagi.

Misalnya, penghutang mempunyai dua akaun kredit – satu kad kredit dengan baki \$5,000 dan kemudahan meminjam (credit line) yang mempunyai baki \$5,000.

Kad kredit menawarkan kadar faedah sekitar 24 peratus setahun atau 2 peratus sebulan, manakala kemudahan meminjam mengenakan 19 peratus atau lebih rendah setahun.

"Memandangkan kad kredit mengenakan lebih banyak faedah, maka dengan melunaskan akaun itu bermakna penghutang mengurangkan faedah yang ditanggung bagi tempoh yang diambil untuk melunaskan hutangnya.

"Tetapi ada juga pakar kewangan yang menyarankan supaya melunaskan hutang lebih kecil dulu, tidak kira kadar faedahnya, kerana ini memberikan dorongan secara psikologi kepada penghutang dalam usahanya membayar hutang.

"Untuk melihat satu akaun ditutup dan bergerak ke akaun seterusnya akan memberikan semacam motivasi kepada penghutang bahawa beliau mencapai kemajuan.

Jumlah wang yang digunakan untuk akaun sebelumnya, kini boleh ditambah kepada bayaran untuk akaun kedua," jelasnya.

Pindahkan hutang berfaedah tinggi kepada pilihan lebih murah

Bank menawarkan pelbagai produk kewangan. Antaranya ialah kemudahan memindahkan baki hutang (balance transfer).

Encik Saiful Nizam menasihatkan penghutang agar melakukan kajian dan meninjau produk yang menawarkan faedah lebih rendah daripada akaun mereka sekarang dan menggunakannya untuk melunaskan hutang mereka

"Contohnya, dengan memindahkan hutang kad kredit sebanyak \$10,000 kepada bank lain di bawah kemudahan pemindahan baki hutang, anda dapat melangsaikan hutang pada kadar faedah rendah, justeru dapat jimatkan wang," jelasnya.

Secara alternatif, ada penghutang yang meminjamkan sejumlah wang daripada kemudahan kredit mereka untuk melunaskan hutang kad kredit dan kemudian membayar kemudahan kredit itu melalui skim bayaran ansurans yang ditawarkan. Ini membolehkan penghutang menguruskan perbelanjaan hutang bulanannya dengan lebih baik.

Kurangkan perbelanjaan kad kredit dan wang tunai pendahuluan

Cara paling ideal menggunakan kad kredit ialah hanya membelanjakan jumlah wang yang anda mampui. Dengan cara ini anda tidak dikenakan faedah dan pada masa yang sama, menikmati manfaat kad kredit seperti rebat tunai dan mata untuk diskaun.

Encik Saiful Nizam juga memberi amaran tentang amalan mengeluarkan wang tunai daripada akaun kad kredit kerana bayaran yang dikenakan bagi pengeluaran wang seumpama itu adalah lebih tinggi daripada membayar menggunakan kad kredit.